



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	KERAJAAN SETUJU PERCEPAT NIMP, NETR, HETR DALAM MENCAPAI ASPIRASI SIFAR BERSIH 2050
	SUMBER	BH ONLINE (15 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

Kerajaan setuju percepat NIMP, NETR, HETR dalam mencapai aspirasi sifar bersih 2050

Jun 15, 2024 @ 2:04pm



Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad. NSTP/Eizairi Shamsudin

PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju mempercepatkan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR), serta dasar baharu seperti Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUU PIN) dalam mencapai sifar bersih pada tahun 2050.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Kelima Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara (MTPIN) Bilangan 1 Tahun 2024 semalam, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, pendekatan beraspirasi tinggi itu, akan menjadi pemangkin kepada Malaysia untuk menjadi mercu tanda pertumbuhan ekonomi hijau, serta menjana pekerjaan hijau untuk rakyat.

"Mesyuarat turut bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Dekarbonisasi Kebangsaan yang dipengerusikan saya sendiri, untuk memantau pelaksanaan pelan tindakan bagi mencapai sasaran ini," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Nik Nazmi berkata, beliau telah membentangkan tiga kertas dalam MTPIN dengan perkara utama yang dibincangkan termasuk cadangan penetapan tahun sasaran aspirasi pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih negara pada tahun 2050, berdasarkan hasil kajian Pembangunan Hala Tuju dan Pelan Tindakan *Nationally Determined Contributions* (NDC) dan Strategi Jangka Panjang Pembangunan Rendah Karbon (LT-LEDS).

MTPIN turut bersetuju untuk meluluskan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0, iaitu dasar tersebut akan saling melengkapi inisiatif lain antaranya penggubalan RUU PIN, pembangunan Pelan Adaptasi Nasional dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan.

Bagi meneruskan penyertaan aktif Malaysia di persidangan antarabangsa, Nik Nazmi juga telah membentangkan perancangan pembangunan Pavilion Malaysia di Persidangan ke-29 Pihak-Pihak kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP-29) pada November 2024 di Baku Azerbaijan dan COP-30 di Brazil pada 2025.

"Pada mesyuarat ini juga, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti membentangkan tindak balas sektor kewangan dalam perubahan iklim yang diterajui oleh Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3).

"Inisiatif yang dirancang ini adalah manifestasi kerajaan dalam menangani isu perubahan iklim secara komprehensif dengan mengurangkan pelepasan GHG, memperkukuhkan daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim serta menggalakkan peralihan ke arah pembangunan lebih lestari dan rendah karbon," katanya.

Nik Nazmi menerusi mesyuarat sama turut berkongsi hasil kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Thailand Jeneral (Polis) Phatcharavat Wongsuwan dalam lawatan kerja singkatnya ke Bangkok pada 12 Jun.

Menerusi lawatan itu, kerajaan Thailand telah menyatakan sokongan kepada Malaysia bagi Kepengerusian ASEAN 2025 dan bersetuju menjalin kerjasama bagi berkongsi kepakaran dalam mekanisme pasaran karbon.

MTPIN ditubuhkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Dis 2020 dan menjadi platform tertinggi yang bertanggungjawab bagi menetapkan dasar, hala tuju dan perkara berkaitan perubahan iklim membabitkan Kerajaan Persekutuan dan negeri. –BERNAMA

2.	TAJUK	ALAM DERITA KERANA TANGAN MANUSIA
	SUMBER	BH ONLINE (17 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

Alam derita kerana tangan manusia



Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Jun 17, 2024 @ 10:03am
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



KRISIS iklim, pembakaran bahan bakar fosil, penebangan hutan, kerakusan pembangunan, lambakan sisa buang sampah, plastik tidak dikitar semula menggunakan kaedah mesra alam atau dilempar sesuka hati termasuk ke dalam sungai, antara isu utama memberi impak buruk terhadap ekosistem dan alam sekitar.

Kemerosotan alam sekitar itu secara langsung memberi kesan kepada kesihatan manusia. Begitu juga pencemaran udara, air dan perubahan iklim menyumbang kepada pelbagai masalah kesihatan awam.

Situasi itu dilihat seakan tidak berkesudahan dan gagal ditangani segera dengan tuntas, kesejahteraan dunia dari segi penjagaan alam sekitar menjadi semakin 'tenat'.

Justeru, Hari Alam Sekitar Sedunia adalah satu inisiatif penting untuk melindungi alam sekitar dan mencapai matlamat pembangunan mampan.

Lantas, pada 5 Jun setiap tahun Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 1972 menyambut Hari Alam Sekitar dan ia berkembang menjadi platform global terbesar memberi jangkauan kesedaran terhadap alam sekitar kepada puluhan juta insan.

Tahun ini, 'Land Restoration, Desertification and Drought Resilience' (pemulihan tanah, pengurusan dan ketahanan kemarau) menjadi tema untuk diraikan di seluruh dunia, bukan hanya sekadar sambutan melepas batok di tangga.

Malah, Konvensyen PBB untuk Memerangi Desertifikasi jelas menunjukkan kira-kira 40 peratus daripada tanah di bumi ini mengalami kemerosotan sekali gus menjejaskan separuh daripada penduduk dunia dan mengancam kira-kira separuh daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global yang bernilai AS\$44 trilion (RM207 trilion), tidak harus dipandang remeh.

Selain itu, peningkatan kejadian kemarau sebanyak 29 peratus sejak 2000 yang dikesan mampu menjejaskan lebih tiga perempat daripada penduduk dunia menjelang 2050.

Ironinya, sempena tema Hari Alam Sekitar tahun ini juga menjadi ulang tahun ke-30 Konvensyen PBB untuk memerangi pengurusan atau desertifikasi.

Lebih parah, di sebalik isu pemulihan kegersangan tanah, masyarakat global ketika ini berdepan dengan isu perubahan iklim yang dahsyat terutama sekali gelombang haba yang terus meningkat sehingga memberi ancaman baharu kepada kesihatan manusia.

Selain memberi masalah dehidrasi, kulit, gangguan pernafasan, kejadian strok haba juga dikesan mula 'menghadirkan' bahaya kerana boleh menyebabkan kematian.

Tidak terhenti di situ, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), pada tahun lalu juga mengeluarkan amaran mengenai, hampir 2.2 bilion kanak-kanak akan mengalami kesan teruk akibat frekuensi gelombang haba yang tinggi, menjelang 2050.

Perubahan iklim, kesannya kepada manusia

Mengulas perkara itu, Presiden Persatuan Ekologi Malaysia (PEM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata dunia sudah bersidang mengenai perubahan iklim sejak sekian lama kerana isu ini boleh mendatangkan masalah bukan sahaja kepada manusia, malah seluruh hidupan di daratan dan laut.

Katanya, badan besar dunia seperti PBB juga mengadakan persidangan setiap tahun bagi menilai perkembangan menangani atau tindakan berkaitan perubahan iklim.

"Dalam perbincangan mengenai perubahan iklim dan kesannya kepada manusia, ia selalu dikaitkan dengan bencana alam sama ada banjir, kemarau dan cuaca panas.

"Perubahan iklim berlaku apabila terjadinya perubahan tekanan dan pemanasan udara. Ia kesan pelepasan gas rumah hijau hasil daripada aktiviti manusia seperti industri, penternakan, pertanian, kenderaan dan pembakaran yang melepaskan gas karbondioksida (CO₂) nitrogen oksida (N₂O), metana (CH₄).

"Selain daripada pelepasan gas rumah hijau, perubahan iklim juga dikaitkan dengan penebangan hutan secara luas," katanya.

Lautan dicemari plastik bencana angkara manusia

Selain itu, perkara penting Pengeluaran plastik dunia meningkat kepada 460 juta tan pada 2009 sekali gus meningkatkan lagi penjejanaan sisa plastik.

Lebih membimbangkan, laporan global juga menyebut, hampir lapan juta tan sisa plastik memasuki lautan setiap tahun.

Antara sisa plastik yang berasal dari darat adalah beg plastik, botol plastik, puntung rokok, bekas plastik makanan dan minuman dan lampin bayi.

Menurut kajian Wilcox pada 2018, kira-kira 52 peratus daripada penyu di dunia tersilap memakan sisa plastik kerana menyangka plastik yang terapung kelihatan seperti sumber makanan utama mereka seperti obor-obor, rumput laut atau alga.

Akibatnya, penyu sesak nafas dan mati kerana plastik tidak boleh dihadam.

Ahmad berkata, walaupun PBB sudah mengisytiharkan program pengakhiran plastik di lautan, namun pencemaran sedemikian masih berleluasa.

Pencemaran plastik jejakkan hidupan laut

Pencemaran plastik boleh memberikan kesan langsung kepada hidupan laut seperti ikan paus, penyu, ikan lumba-lumba, burung laut dan ikan-ikan lain.

"Plastik juga menyerap bahan kimia berbahaya dalam air laut terutama bahan cemar organik dan melepaskan perlahan-lahan semasa dalam perut hidupan laut yang akhirnya boleh menyebabkan keracunan," katanya.

Beliau berkata, plastik juga boleh pecah menjadi partikel kecil yang dipanggil mikro (kurang daripada 5 milimeter (mm) dan nano plastik (kurang daripada 1 mikron).

"Bagi nano plastik sangat berbahaya dan boleh masuk ke dalam sistem badan manusia melalui sistem rantai makanan.

"Sudah ada laporan nanoplastik ada dalam darah manusia, susu ibu, najis dan sistem pembiakan. Penemuan ini sangat mengerikan dan perlu diambil tindakan segera," katanya.

Katanya, laporan baharu yang menyatakan Malaysia menyumbang kepada pencemaran plastik dalam lautan dan yang paling banyak memakan plastik perlu dipandang secara serius.

Katanya, kerajaan perlu menyegerakan undang-undang berkaitan kawalan dan pengurusan plastik dan menguatkuasakannya.

"Program pendidikan mesti lebih aktif dan menyediakan perkhidmatan yang cekap. Kaedah kutipan dan teknologi seperti rawatan secara mekanikal dan biologi (MBT) mesti disediakan.

"Lebih membimbangkan, pencemaran plastik juga menyumbang kepada perubahan iklim," katanya.

Konsep pembangunan mampan

Tiga daripada enam tonggak dasar Malaysia Madani, iaitu kemampanan, kesejahteraan dan ihsan dilihat begitu sinonim dengan alam sekitar.

Kemampanan misalnya menjurus kepada kesejahteraan dan keseimbangan, iaitu saling menghormati dan mengasihi sesama makhluk di atas muka bumi merangkumi manusia, alam sekitar, ekosistem dan segala komponen yang ada.

Malah, sesuatu aktiviti pembangunan fizikal yang hendak dilaksanakan perlulah diteliti dengan sebaik-baiknya agar menepati konsep pembangunan mampan yang sudah digariskan.

Malaysia perlu komited pulihara alam sekitar

Oleh itu, antara aspek yang perlu diteliti Malaysia dalam terus memberi komitmen menjaga alam sekitar adalah dengan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga fosil yang dikaitkan dengan pelepasan gas rumah hijau.

Malaysia juga harus memberi komitmen dalam pelepasan karbon sifar menjelang 2050.

Sebagai sebuah negara yang tinggi kepelbagaian biologi di dunia, Malaysia perlu terus beriltizam dalam memastikan hutan simpan sehingga 50 peratus. termasuk meneguhkan kempen kehijauan Malaysia dengan menanam 100 juta pokok menjelang 2025.

Ekosistem marin yang memulihara ekosistem batu karang, rumput laut dan bakau juga harus diteruskan.

Selain itu aktiviti pendidikan harus diteruskan secara formal dan tidak formal termasuklah membabitkan kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan badan korporat.

Komitmen kerajaan dalam menangani perubahan iklim selari dengan pemulihan, perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi negara.

3.	TAJUK	30 SUKARELAWAN KUTIP SAMPAH DI DASAR LAUT
	SUMBER	BH ONLINE (1 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

30 sukarelawan kutip sampah di dasar laut

Oleh [Noor Atigah Sulaiman](#) - Jun 18, 2024 @ 6:54pm
nooratigah.sulaiman@bh.com.my



Ahli Geologi, Prof Azhar Hussein.

KUALA LUMPUR: Walaupun dianggap cuba melakukan kerja gila kerana mahu mengutip sampah yang berada di dasar laut, namun kira-kira 30 sukarelawan ini nekad mahu membuktikan bahawa ia bukanlah satu perkara yang sia-sia.

Misi yang dikenali sebagai Menyelam untuk Mengutip Debris (DAD) itu dianjurkan oleh Yayasan Salam Malaysia (SALAM) dan Black Eye Scuba Team (BEST) serta turut mendapat kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Besut.

Pelaksanaan program itu juga boleh dianggap sebagai serampang dua mata kerana ia bukannya mengutip sampah semata-mata, sebaliknya turut mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai pentingnya usaha memulihara alam sekitar sama ada di daratan mahupun lautan.

Bagi Ahli Geologi, Prof Azhar Hussein, 71, besar harapannya program itu dapat memberi kesedaran kepada rakyat mengenai pencemaran laut dan apa peranan mereka dalam memastikannya sentiasa bersih dan terjaga.

Beliau yang juga seorang daripada penyelam berkata, disebabkan program DAD itu adalah untuk mengumpul data, adalah amat penting mengetahui bentuk dan jenis debris yang berada di lautan serta mengesan punca mengapa ia berlaku.

"Di kawasan perairan berhampiran kampung atau jeti nelayan, kita mungkin menemui banyak pukuk hantu (ghost nets) yang tersangkut di terumbu karang, selain kotak ikan dan peralatan menangkap ikan yang dibuang.

"Di kawasan peranginan pula, kita mungkin akan menemui pelbagai jenis botol, plastik dan tin minuman, manakala tidak jauh daripada bandar pula bermacam barangan buangan akan ditemui," katanya.

Azhar berkata, penemuan barang buangan itu penting untuk data dan tanpanya (data) tiada siapa tahu apa sebenarnya yang berlaku di dasar laut.

Beliau mengakui agak mustahil untuk membersihkan debri di laut, tetapi pihaknya yakin dengan didikan diberikan, ia akan membuka mata masyarakat untuk tidak lagi membuang sampah ke laut.

Debri adalah segala bentuk barang buangan yang dicampakkan ke laut dan mendap sebagai sampah sarap.

Bagi memenuhi matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), debri yang dikutip akan diasing, ditimbang dan direkodkan, sebelum data mengenainya dihantar kepada UNSDG melalui Padi Aware Foundation.

Data yang diperoleh itu juga boleh digunakan oleh Taman Laut, Jabatan Perikanan.

Selain 30 sukarelawan tempatan, turut bersama dalam program itu 100 sukarelawan dari luar negara termasuk Iraq, Jordan, Pakistan, Nigeria dan China yang mengutip sampah di kawasan Long Beach.

Sukarelawan turut mengadakan kunjungan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Perhentian, Kampung Nelayan untuk memberikan ceramah mengenai pemuliharaan laut.

Sukarelawan, Nur Saifullah Noor Azahar, 29, menyifatkan program menyelam sambil mengutip debri ada kaitan dengan tugasnya sebagai anggota Unit Khas Skuad Penyelamat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Program DAD ini mencabar kemampuan saya walaupun sekadar bertarung dengan lambakan debri dan bukannya nyawa manusia, tetapi ia adalah pengalaman sangat berguna kepada kerjaya saya," katanya.

Bagi Ramley Atan, 34, ia adalah pengalaman pertamanya menyelam untuk mengutip debri dan apa yang dilakukan itu adalah sebagai tanda sokongannya untuk menyelamatkan laut daripada terus tercemar.

"Disebabkan misi ini diadakan dalam suasana Aidiladha, ia boleh dianggap sebagai pengorbanan saya untuk menyedarkan masyarakat untuk bersama-sama menjaga kelestarian alam sekitar.

"Ia juga sumbangan penyelam kepada sektor pelancongan yang memerlukan laut sentiasa bersih. Pulau Perhentian adalah salah satu destinasi menyelam yang perlu dijaga kerana ia sering dikunjungi pelancong dari seluruh dunia," katanya.

4.	TAJUK	'TUMPAHAN DIESEL DARI SINGAPURA SUDAH MEREBAK KE JOHOR
	SUMBER	BH ONLINE (20 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

'Tumpahan diesel dari Singapura sudah merebak ke Johor'

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Jun 20, 2024 @ 4:34pm
farid_noh@bh.com.my



Perlanggaran dua kapal pada Jumaat lalu menyebabkan tumpahan kira-kira 400 tan minyak, kini sebahagiannya mula hanyut ke Pengerang. - Foto NSTP/IHSAN ADUN

JOHOR BAHRU: Insiden tumpahan minyak yang berlaku susulan perlanggaran kapal di Terminal Pasir Panjang, Singapura pada Jumaat lalu dikesan sudah merebak ke perairan negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata kejadian itu berlaku susulan kuantiti tumpahan minyak hasil pelanggaran itu adalah besar iaitu membabitkan kira-kira 400 tan.

Katanya, Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) Singapura sudah memaklumkan secara rasmi mengenai insiden pelanggaran kapal di Terminal Pasir Panjang, sehingga menyebabkan tumpahan minyak low sulphur Marine Fuel Oil (MFO) 380 di perairan republik itu, yang berlaku Jumaat lalu.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor juga sudah menerima pemakluman daripada Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) bahawa ada pencemaran minyak dikesan di Pantai Sungai Rengit, Pengerang, Kota Tinggi.

"Semalam, sekitar jam 9.30 pagi, JAS Johor dan MPP juga sudah melakukan tinjauan di Pantai Sungai Rengit, Pengerang, dan mendapati sememangnya terdapat pencemaran minyak di pantai berkenaan.

"Rondaan dan pemantauan di Pantai Sungai Rengit akan diteruskan hari ini bagi memastikan tahap keseriusan pencemaran daripada tumpahan minyak itu.

"Sekiranya perlu, Pelan Tindakan Pembersihan Pantai akan diaktifkan bagi menjalankan operasi kerja-kerja pembersihan di pantai," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Jumaat lalu, sebuah kapal dari Belanda, Vox Maxima, dilaporkan melanggar kapal tangki minyak dari Singapura, Marine Honor, di Terminal Pasir Panjang, Singapura.

Kejadian itu menyebabkan kapal tangki minyak itu mengalami kebocoran hingga berlaku limpahan minyak mengalir ke kawasan perairan dan laut di Terminal Pasir Panjang.

Pihak berkuasa Singapura dilaporkan memperluaskan usaha pembersihan ke lebih banyak kawasan perairan republik itu berikutan tumpahan minyak besar telah dikesan merebak sehingga ke perairan Changi, Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Tian Soon berkata, semua agensi berkaitan laut dan perairan negara sudah dimaklumkan susulan aduan pencemaran tumpahan minyak di perairan Pengerang, Kota Tinggi oleh MPP.

Katanya, susulan pemakluman insiden tumpahan minyak itu, JAS Johor memohon bantuan Jabatan Laut Wilayah Selatan (JLWS); Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ); Pejabat Daerah Kota Tinggi dan MPP, untuk membantu aktiviti rondaan dan pengesanan pencemaran di perairan negara.

"Selain itu, pemakluman sama turut diberikan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia); Pasukan Polis Gerakan Marin; Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM); Angkatan Pertahanan Awam (APAM); Dialog Terminals Pengerang Sdn Bhd, serta PETRONAS Pengerang untuk membantu dalam aktiviti rondaan di laut bagi mendapatkan maklumat lanjut keadaan semasa pencemaran," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Surat, Aznan Tamin, berkata hasil tinjauan pihak berkuasa tempatan, tumpahan minyak yang mencemari sekitar pantai dan perairan Singapura, telah pun merebak ke perairan Kota Tinggi sejak semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Johor berkata, tumpahan minyak itu diunjurkan akan merebak sehingga pantai Teluk Ramunia, Kota Tinggi.

"Satu mesyuarat khas yang akan dipengerusikan Pegawai Daerah Kota Tinggi akan diadakan hari ini untuk mencapai ketetapan tertentu serta langkah-langkah intervensi yang perlu dilakukan bagi mengelakkan pencemaran lebih teruk lagi," katanya.

5.	TAJUK	SINGAPURA MAHU DAPATKAN PAMPASAN KOS BERSIH TUMPAHAN MINYAK
	SUMBER	BH ONLINE (20 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

Singapura mahu dapatkan pampasan kos bersih tumpahan minyak

Jun 20, 2024 @ 5:38pm



Pekerja membersihkan tumpahan minyak di Pulau Sentosa, Singapura, Jumaat lalu. Foto AFP

SINGAPURA: Singapura akan mendapatkan pampasan bagi kos yang ditanggung akibat tumpahan minyak minggu lalu daripada pemilik kapal yang melepaskan minyak itu, lapor media tempatan CNA.

Reuters melaporkan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan memberitahu CNA bahawa pemilik kapal Marine Honor - yang dilanggar kapal korek Belanda Vox Maxima - bertanggungjawab ke atas kos yang ditanggung untuk membendung dan membersihkan tumpahan minyak dan kerosakan infrastruktur.

Sementara itu Bernama melaporkan pihak berkuasa Singapura sedang berhubung dengan rakan sejawat mereka dari Malaysia untuk bekerjasama dalam usaha menangani sebarang kesan lanjut daripada tumpahan minyak susulan insiden pelanggaran kapal di Terminal Pasir Panjang (PPT) di sini, Jumaat lalu.

"Singapura, Malaysia dan Indonesia adalah sebahagian daripada Jawatankuasa Tabung Pusingan, di mana tiga negara pesisir boleh meminta dan memberikan sokongan untuk tumpahan minyak dan operasi pembersihan di Selat Melaka dan Singapura," menurut kenyataan bersama oleh agensi-agensi terbabit dalam usaha menyeluruh kerajaan pada Khamis.

Agensi berkenaan ialah Penguasa Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA), Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA), Lembaga Taman Negara (NParks), Agensi Air Nasional Singapura (PUB), Agensi Makanan Singapura (SFA), Penguasa Tanah Singapura (SLA) dan Perbadanan Pembangunan Sentosa (SDC).

Operasi pembersihan di beberapa bahagian perairan dan pantai Singapura masih diteruskan hampir seminggu selepas insiden pelanggaran antara kapal pengorek dan kapal tangki minyak itu.

Agensi itu menyatakan bahagian utara PPT sudah dibersihkan daripada tumpahan minyak selepas penggunaan 'Current Buster', sistem pemulihan dan pembendungan minyak sejak 18 Jun dan pembersihan menyeluruh terhadap 'Berth 36' yang tercemar

minyak berhampiran kawasan pelanggaran sedang dijalankan menggunakan jet tekanan tinggi.

Setakat ini, tiga sistem Current Buster digunakan - dua di luar kawasan barat yang terjejas di PPT dan Sentosa, manakala satu lagi di luar kawasan timur yang terjejas di East Coast dan Changi East sebagai langkah berjaga-jaga untuk mendapatkan semula sebarang minyak dan menghalang penyebaran selanjutnya.

Setakat 5 petang semalam, pantai di Pulau Sekijang Bendera (St John's Island), Pulau Sekijang Pelepah (Lazarus Island) dan Pulau Kusu sudah dibersihkan daripada pasir berminyak tetapi akan terus dipantau untuk tanda tompokan minyak.

Sebahagian besar deposit minyak di pantai Taman East Coast sudah dibersihkan. Beberapa bahagian di Hutan Simpanan Labrador dan pantai Tanah Merah juga sudah dibersihkan.

Tiada laporan tompokan minyak yang dilihat di luar Changi sejak Selasa.

Di Sentosa, sebahagian besar pantai Siloso sudah dibersihkan daripada pasir berminyak, sementara usaha pembersihan pantai di Palawan dan Tanjong sedang berlangsung dengan perancangan pembersihan menjadi fokus dalam fasa seterusnya.

Walaupun pantai masih dibuka dan perniagaan pulau beroperasi seperti biasa, aktiviti laut dan berenang masih tidak dibenarkan.

Agensi berkenaan menyatakan setakat ini, tiada ladang ikan di Singapura yang terjejas dan kualiti udara di kawasan yang terjejas di Taman East Coast, Hutan Simpanan Labrador dan Sentosa berada dalam paras selamat.

PUB juga memberi jaminan kepada orang ramai bahawa bekalan air minuman Singapura tidak terjejas.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Singapura, Chee Hong Tat, berkata walaupun terdapat kemajuan dalam operasi pembersihan, ia masih memerlukan sedikit masa sebelum minyak dapat dibersihkan sepenuhnya.

"Pada masa ini, kami memberi tumpuan kepada pembersihan tompokan minyak dan lapisan minyak dari air dan darat yang dapat dilihat melalui pengawasan dron dan imejan satelit. Dalam fasa seterusnya, kami perlu membuang minyak yang terperangkap," kata beliau dalam hantaran di laman Facebook, hari ini. – AGENSI

6.	TAJUK	NETR BANTU NEGARA CAPAI PELEPASAN KARBON SIFAR BERSIH MENJELANG 2050
	SUMBER	HARIAN METRO ONLINE (21 JUN 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

NETR bantu negara capai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050

Kuala Lumpur: Kerajaan mengulangi komitmen terhadap mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu dalam sistem pembekalan elektrik daripada 25 kepada 70 peratus, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata usaha itu disokong dengan memperkenalkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang mewujudkan laluan untuk campuran tenaga, pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan inisiatif peralihan tenaga.

Menurut Nik Nazmi bagi mencapai sasaran berkenaan, Malaysia memerlukan pengimbangan teliti trilema tenaga untuk memastikan tenaga yang lestari, selamat dan mampu milik untuk masa hadapan.

"Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara (MTPIN) baru-baru ini bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Dekarbonisasi Kebangsaan, yang akan saya pengerusikan.

"Dianggotai oleh kerajaan negeri dan pihak berkepentingan lain, peranan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan peralihan Malaysia kepada pembangunan rendah karbon adalah teratur dan menyeluruh.

"MTPIN turut bersetuju supaya pelbagai dasar seperti NETR disegerakan, selain Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR)," katanya berucap pada Persidangan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) 2024 di sini semalam.

Persidangan berkenaan menekankan keperluan perpaduan global dalam mengutamakan pelaburan yang mampan untuk kesejahteraan manusia di tengah-tengah cabaran alam sekitar yang semakin meningkat.

Disiarkan pada: Jun 21, 2024 @ 7:46am

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**